

# PM nafi MB Kedah digugur

Oleh Johari Ibrahim

**BH** 15 JAN 2001

ALOR STAR, Ahad – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak khabar angin kononnya Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, akan digugurkan.

Perdana Menteri menegaskan khabar angin itu tidak benar dan beliau juga tidak tahu-menahu mengenai perkara berkenaan.

“Saya tak tau...spekulasi pasal apa pula...tak tahu...tak dengar apa pun, anda dengar dari mana?,” katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Kepala Batas di sini sebelum berlepas ke Kuala Lumpur, hari ini.

Terdahulu beliau dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, menghadiri istiadat pengurniaan darjah kebesaran sempena keputeraan ke-73 Sultan Kedah di Istana Anak Bukit, di sini.

Perdana Menteri diminta mengulas mengenai khabar angin rombakan Kabinet yang akan dilakukan,

mungkin membabitkan jawatan Menteri Besar termasuk Syed Razak.

Bagaimanapun, Syed Razak sebelum ini menafikan perkara berkenaan sebanyak dua kali. Kali pertama apabila akhbar berbahasa Cina melaporkan beliau akan meletak jawatan dalam tempoh terdekat.

Kali kedua, spekulasi bertiup apabila sebuah akhbar melaporkan Syed Razak dipanggil berjumpa Perdana Menteri di Putrajaya pada Jumaat lalu. Syed Razak semalam menjawab beliau hanya berjumpa Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin ketika kunjungan itu.

Mengenai penilaiannya terhadap Menteri Besar Kedah itu, Perdana Menteri berkata: “Saya puas hati. Beliau melakukan tugas dengan agak baik...tak apalah. Tidak ada kebenaran mengenainya (spekulasi Syed Razak akan digantikan).”

Syed Razak ketika ditemui pula berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana menjelaskan isu itu.

Mengenai pihak yang menyebarkan khabar angin itu, beliau berkata: “Kita tidak tanya (ambil tahu) pihak mana. Yang penting Perdana Menteri sudah maklumkan sendiri perkara itu (tidak benar).

“Selama ini saya tidak terasa sangat dengan spekulasi itu. Semasa spekulasi itu dihebohkan, saya menjalankan tugas macam biasa dan menumpukan kepada kerja untuk membawa pembangunan kepada negeri.”

Syed Razak juga mengumumkan Perdana Menteri akan melawat Umno bahagian di Kedah mulai 26 Januari ini untuk berjumpa dengan ahli jawatankuasa dan mengadakan sesi penerangan.

Beliau berkata lawatan itu akan bermula di Umno Bahagian Sik, Baling dan Pokok Sena.